

LID berjaya

UM 4 AUG 2002

LANGKAWI 3 Ogos — Para pemimpin kerajaan pada Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 yang berakhir hari ini sepakat menyatakan ia berjaya dan cukup berfaedah dalam memajukan negara serta mahu diteruskan.

Pemimpin-pemimpin negara terlibat juga mahu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terus aktif dalam dialog itu walaupun selepas bersara sebagai Perdana Menteri.


Perkara tersebut dinyatakan oleh kesemua 18 ketua kerajaan yang hadir dalam dialog dua hari tersebut semasa sidang akhbar bersama dengan Dr. Mahathir, selaku tuan rumah, di sini.

Para pemimpin bersetuju dialog perkongsian pintar banyak membantu mereka mempelajari pelbagai perkara selain dapat berkongsi pengalaman dalam mentadbir dan menguruskan negara.

Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati kerana dialog tersebut berjaya mencapai matlamatnya apabila pelbagai isu yang relevan dengan pembangunan negara dapat dibincang dalam suasana mesra dan kesemua pemimpin dapat mempelajari banyak perkara.

"Mereka mengakui banyak yang dipelajari dan mereka menyatakan rasa puas hati kerana banyak yang dapat dipelajari dan ketua-ketua kerajaan yang hadir mahu membangunkan negara masing-masing untuk faedah rakyat, katanya pada sidang akhbar pada penutup dialog tersebut petang ini.

Perdana Menteri berkata, dialog itu memberi peluang kepada peserta untuk bertukar-tukar pendapat dan masalah yang dihadapi di negara



masing-masing serta menggunakan maklumat tersebut untuk membangunkan negara mereka.

Dialog itu juga jelas beliau, mendapat perhatian daripada negara-negara membangun lain di luar negara-negara Komanwel.

Katanya, perkara itu baik kerana ia membolehkan negara-negara membangun mempunyai forum sendiri untuk membincangkan isu berkaitan pembangunan dan pentadbiran di negara masing-masing.

Malah Perdana Menteri secara berseloroh mengumpamakan dialog itu sebagai sekolah untuk bakal Presiden dan Perdana Menteri.

"Kita semua adalah amat, setakat ini tidak ada sekolah untuk bakal Presiden dan Perdana Menteri. Saya fikir dialog ini boleh dianggap sebagai gantian yang terbaik (untuk menjadi pemimpin).

capai matlamat

"Banyak yang kita pelajari, ia umpama kembali ke sekolah semula untuk belajar daripada bukan hanya seorang guru tetapi daripada ramai guru yang mempunyai pengalaman luas," tambah beliau.

Sementara itu, Raja Swaziland, **Raja Mswati III** berkata, dialog tersebut banyak memberi faedah kepadanya.

Beliau bukan sahaja mempelajari banyak perkara baru malah mendapat gambaran

bagaimana untuk menyelesaikan beberapa masalah di negaranya.

Malah Raja Mswati telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah dialog tersebut pada September tahun depan.

Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe yang bersetuju dengan pandangan Raja Mswati III itu berkata, melalui dialog tersebut, beliau menggunakan pendekatan konsep perkongsian pintar yang melibatkan sektor awam dan swasta untuk pembangunan negaranya.

"Datang ke sini umpama seperti datang untuk

mendapatkan semangat dan juga untuk berkongsi pengalaman orang lain yang kemudiannya diterjemahkan dalam polisi kita sendiri, katanya.

Sementara itu, **Presiden Ghana, John A. Kufuor** berkata, beliau mahu melihat Dr. Mahathir terus menyokong dialog tersebut pada masa akan datang.


"Beliau kelihatan masih muda, bagi pemimpin seusia dengannya. Saya mahu melihat beliau tidak meninggalkan kedudukannya. Kami akan pastikan beliau tidak mengabaikan dialog ini.

"Kita tidak akan benarkan beliau pergi, beliau mungkin tidak akan terus menjadi Perdana Menteri tetapi beliau akan terus menyokong dialog ini," jelasnya.

Perdana Menteri Mauritius, Sir Aneerood Jugnauth pula menyifatkan Perdana Menteri sebagai 'guru' dan meminta beliau terus memberikan sumbangan pada dialog tersebut pada masa akan datang.

Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosilili berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaannya yang tidak bersikap mementingkan diri.

Katanya, Dr. Mahathir bersedia untuk berkongsi pengalaman bagaimana Malaysia mencapai kejayaan dengan negara-negara lain.



**Laporan MOHD. NOR SAMAD,
ASUKI ABAS dan ROSNI HPSSAN**

"Kita perlu buat tindakan susulan selepas itu," kata beliau.

Perdana Menteri turut diminta mengulas mengenai pendedahan yang dibuatnya Khamis lalu mengenai sebuah negara kaya yang menghalang pelaburan ke negara ini dengan menawarkan 200 juta dan faedah istimewa kepada pelabur luar.

Menurut Dr. Mahathir, beliau hanya memberikan contoh tetapi itu yang sebenarnya berlaku.

"Dalam banyak kes, kita dapati negara, atau kadang kala negeri atau majlis tempatan menawarkan tanah percuma dan diskaun modal untuk menarik pelaburan asing.

"Jika anda ingat dalam ucapan saya, saya kata, negara perindustrian baru (NIC) seperti Korea yang perlu membina kilang di luar negara telah diberikan tawaran seperti itu untuk menarik industri ke negara maju," katanya.

Sehubungan itu, beli-

au berkata, negara-negara membangun terpaksa bersaing dengan negara maju untuk menarik pelaburan langsung (FDI).

"Dalam satu cara, kita bersetuju dengan mereka (negara maju) tetapi ini adalah persaingan tidak adil... Kita tidak boleh lawan apa yang boleh mereka tawarkan," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan menuhkan pasukan petugas khas globalisasi untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Katanya, pasukan tugas khas itu yang antaranya dianggotai oleh 'orang luar' dan kementerian-kementerian berkaitan dibentuk beberapa bulan lalu.

"Pasukan petugas khas itu akan kaji kesan (globalisasi) kepada negara," kata Dr. Mahathir.